**SKEMA PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025**
**BAHAGIAN A**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. a | F1<br>F2<br>F3<br>F4 | Menghadiri rumah terbuka perayaan<br>Membuat rondaan di kawasan kediaman<br>Melibatkan diri dalam sambutan kemerdekaan<br>Membantu mangsa bencana<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1 |
| b | H1<br>H2<br>H3<br>H4 | Rakyat dapat hidup dalam suasana harmoni<br>Meningkatkan keyakinan pelabur asing<br>Mengukuhkan ekonomi negara<br>Mengekalkan kedaulatan dan kemakmuran negara<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1 |
| c | H1<br>H2<br>H3<br>H4 | Saya akan menjalinkan persahabatan dengan rakan pelbagai kaum<br>Saya akan menghormati amalan hidup kaum lain<br>Saya melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan<br>Saya membantu mangsa yang ditimpa musibah tanpa mengira kaum<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1 |
| d | H1<br>H2<br>H3 | Imej negara terjejas<br>Ketenteraman awam terjejas<br>Masyarakat saling bermusuhan<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1 |
| 2.a | H1<br>H2<br>H3 | Sikap membeli melebihi kemampuan<br>Menggunakan kad kredit sehingga mencapai had kredit ditetapkan<br>Berbelanja mewah<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1 |
| b. | F1<br>H1<br><br>F1<br>H2 | Mendisiplinkan diri ketika berbelanja.<br>Dengan ini saya akan menyenaraikan barang yang hendak dibeli sebelum membeli belah di pasar raya<br>Membeli barang secara tunai.<br>Dengan ini, saya akan mengelakkan daripada menggunakan kad kredit ketika berbelanja kerana boleh menyebabkan saya berhutang.<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br><br>1<br>1 |
| c | F1<br>H2<br>F2<br>H2<br><br>F3<br>H3<br><br>F4<br>H4 | Menghadapi masalah kewangan<br>Hal ini menyebabkan saya menanggung beban hutang yang tinggi<br>Nama akan disenaraihitamkan oleh institusi kewangan.<br>Oleh itu, saya akan mengalami kesukaran untuk membuat pinjaman bank pada masa akan datang<br>Aset akan dirampas<br>Dengan ini, aset-aset yang saya miliki akan diambil dan diuruskan oleh pihak berkuasa untuk membayar hutang yang ada<br>Dikenakan had dalam pekerjaan .<br>Contohnya tidak boleh memiliki perniagaan<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1 |
| 3 a. | F1<br>F2<br>F3<br>F4 | Menyantuni masyarakat global<br>Bangga dan mengutamakan jati diri negara asal<br>Melindungi hak asasi manusia<br>Mematuhi peraturan dan undang-undang antarabangsa. | 1<br>1<br>1<br>1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| b. | F1<br>H1<br><br>H2 | Meningkatkan ekonomi global.<br>Dengan ini dapat menggalakkan penglibatan masyarakat global dalam aktiviti ekonomi.<br>Seterusnya dapat mewujudkan perpaduan dalam masyarakat global.<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br><br>1 |
| c. | F1<br>F2<br>F3<br>F4<br>F5 | Keharmonian masyarakat global tergugat<br>Pertumbuhan ekonomi masyarakat global terjejas<br>Alam sekitar global terancam<br>Peningkatan jenayah dalam masyarakat global<br>Wujud diskriminasi antara masyarakat global<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| d | N1<br>N2<br>N3<br>N4<br>N5 | Nilai rasional<br>Nilai bertanggungjawab<br>Nilai hormat<br>Nilai hemah tinggi<br>Nilai kesederhanaan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| 4 a. | F1<br>F2<br>F3<br>F4<br>F5 | Nasi lemak<br>Roti canai<br>Asam laksa<br>Kuetiau<br>Sate<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
| b. | F1<br>H1<br><br>F2<br>H2<br><br>F3<br>H3<br><br>F4<br>H4 | Mengekalkan identiti lokal.<br>Dengan ini, dapat memastikan generasi muda dapat mengenali keunikan makanan tradisional Malaysia<br>Menjadi daya tarikan pelancong.<br>Dengan ini, makanan tradisional yang unik dan lazat dapat mempromosikan negara ke serata dunia.<br>Berbangga dengan makanan tradisi.<br>Dengan ini, rakyat Malaysia tidak mengagungkan makanan luar negara.<br>Punca pendapatan individu.<br>Dengan ini, dapat meluaskan pasaran<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1 |
| c | F1<br>H1<br><br>F2<br>H2<br><br>F3<br>H3<br><br>F4<br>H4 | Menganjurkan pesta makanan.<br>Dengan ini, membolehkan warga asing mengenali dan menikmati kelazatan makanan tradisional Malaysia<br>Memperkenalkan makanan tradisional di media sosial.<br>Contohnya menghasilkan dokumentari berkaitan makanan tradisional<br>Melantik duta pelancongan makanan.<br>Contohnya Dato Siti Nurhaliza artis terkenal yang banyak pencapaian dalam bidang seni menjadi duta makanan tradisonal.<br>Promosi meluas dalam dan luar Negara. Contohnya melalui<br>Instagram, Youtube dan Tiktok sebagai medium.<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| d | F1 | Setuju | 1 |
| | H1 | Meningkatkan mutu produk makanan tradisional | 1 |
| | H2 | Menarik minat pembeli | 1 |
| | H3 | Menjenamakan semula produk | 1 |
| | H4 | Bersaing di pasaran global | 1 |
| | H5 | Penyediaan lebih cepat/ mudah guna peralatan moden | |
| | F2 | Tidak setuju | 1 |
| | H1 | Menjejaskan keaslian rasa makanan | 1 |
| | H2 | Teknik penghasilan secara tradisional semakin dilupakan | 1 |
| | H3 | Keunikan makanan tradisi semakin pupus | 1 |
| | | (Terima mana-mana jawapan munasabah) | |
| 5 a. | H1 | Bidang pengangkutan dan perhubungan | 1 |
| | H2 | Bidang pelancongan | 1 |
| | H3 | Bidang sains dan teknologi | 1 |
| | H4 | Bidang perindustrian | 1 |
| b | H1 | Kekurangan pakar dalam bidang teknikal/ jurulatih | 1 |
| | H2 | Teknologi yang terhad | 1 |
| | H3 | Kekurangan kemudahan dan infrastruktur dalam sesuatu bidang | 1 |
| | H4 | Sumber kewangan terhad | 1 |
| | H5 | Pentadbir persatuan sukan tidak bekerjasama dan bersikap Individualistik | 1 |
| | H6 | Pemikiran masyarakat yang kurang berdaya maju | 1 |
| | H7 | Bidang sukan masih dipandang rendah oleh masyarakat | 1 |
| | | (Terima mana-mana jawapan munasabah) | |
| c | H1 | Meningkatkan status dan imej negara | 1 |
| | H2 | Berpotensi menarik minat lebih ramai pelabur asing | 1 |
| | H3 | Pengiktirafan antarabangsa terhadap kepakaran dalam negara | 1 |
| | H4 | Menjadi sumber rujukan kepada negara luar dalam pelbagai bidang | 1 |
| | | (Terima mana-mana jawapan munasabah) | |
| d | F1 | Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang | 1 |
| | F2 | Melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa | 1 |
| | F3 | Menaik taraf dan membuat penjenamaan semula untuk tempat-tempat pelancongan | 1 |
| | F4 | Mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi | 1 |
| | F5 | Memelihara warisan negara | 1 |
| | F6 | Membuat pameran tentang keunikan budaya pada peringkat antarabangsa | 1 |
| | F7 | Melibatkan diri dalam akitiviti sukarelawan di luar negara | 1 |
| | | (Terima mana-mana jawapan munasabah) | |

**Join SPM Study Group**
**https://spmpaper.me/group**

**BAHAGIAN B**

| SOALAN | BUTIRAN | MARKAH |
|---|---|---|
| 6 a. | Perilaku atau tindakan yang di terima<br>sebagai amalan dalam sesuatu kelompok , komuniti atau budaya. | 1<br>1 |
| b. N1<br>N2<br>N3<br>N4<br>N5<br><br>P<br>F1<br>H1<br><br><br>H2<br><br><br>C<br><br><br>F2<br>H1<br><br>H2<br><br>C | Nilai bertanggungjawab,<br>nilai rasional,<br>nilai hormat,<br>nilai hemah tinggi<br>nilai kasih sayang<br><br>Tidak wajar<br>anak-anak perlu mematuhi etika ketika di meja makan.<br>Dengan ini semasa berada di meja makan untuk makan bersama keluarga tidak boleh menggunakan telefon bimbit kerana boleh menimbulkan suasana yang kurang selesa.<br>Tambahan lagi, waktu makan seharusnya menjadi waktu sekeluarga meluangkan masa bersama selepas sehari sibuk melakukan hal masing-masing.<br>Misalnya, anak-anak berpeluang berkomunikasi dengan ibubapa tentang kegiatan seharian mereka ketika di sekolah.<br><br>Perbuatan ini juga boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan.<br>Dengan ini boleh menyebabkan hilang kemesraan dan gurau senda dalam keluarga.<br>Tambahan lagi, perbuatan ini boleh menyinggung perasaan ibubapa yang pastinya mahu suasana di meja makan lebih ceria.<br>Contohnya, anak-anak cenderung berkomunikasi kurang sopan terhadap ahli keluarga yang lain akibat terlalu mengutamakan gajet dalam kehidupan seharian.<br><br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | |
| 7 a. F1<br>F2<br>F3 | Kurang pegangan agama atau didikan moral<br>Tekanan di tempat kerja / tekanan hidup<br>Pengaruh dadah / alkohol<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1 |
| F1<br>H1<br><br>H2<br><br><br>C<br><br><br>F1<br>H1<br><br>H2<br><br><br>C | Penguatkuasaan undang-undang.<br>Dengan ini, pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang terlibat dengan penderaan kanak-kanak.<br>Tambahan lagi, dengan mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah boleh memberikan kesedaran kepada masyarakat.<br>Misalnya, mengenakan hukuman penjara dan sebatan kepada pesalah yang melakukan penderaan.<br><br>Mengadakan kempen kesedaran.<br>Dengan ini, boleh mewujudkan masyarakat penyayang yang mempunyai perasaan prihatin terhadap kanak-kanak<br>Tambahan lagi, memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin dan menyedarkan ibubapa tentang tanggungjawab mereka terhadap hak kanak-kanak.<br>Contohnya, memberi pertolongan atau perlindungan kepada kanak-kanak yang terabai.<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | |

| **BAHAGIAN C** | | |
|---|---|---|
| 8 a. F1<br>F2<br>F3<br>F4 | Terlibat dalam penagihan dadah<br>Melepak sehingga larut malam<br>Terlibat dengan lumba haram<br>Membuli.<br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1 |
| b. F1<br>H1<br><br><br>H2<br><br>C<br><br><br><br><br>F1<br><br>H1<br><br>H2<br><br>C | Jenayah sosial dalam kalangan remaja semakin meningkat.<br>Hal ini membolehkan golongan remaja mudah terpengaruh untuk melakukan aktiviti tidak bermoral kerana mereka masih kurang pegangan hidup.<br>Dengan ini, mereka akan bertindak memenuhi tuntutan hawa nafsu mereka dengan cara yang salah.<br>Misalnya melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak sah seperti penipuan, penyalahgunaan dadah dan pergaulan bebas semata-mata untuk keseronokan dan mendapatkan wang bagi memenuhi kehendak mereka.<br><br>Remaja akan cenderung lupa matlamat hidup akibat terjebak dalam budaya hedonisme.<br>Hal ini menyebabkan mereka mengabaikan masa depan kerana inginkan kepuasan dan keseronokan dalam hidup sahaja.<br>Dengan ini, mereka akan mengabaikan pelajaran dan lebih serius lagi apabila mereka tidak berminat untuk bersekolah.<br>Contohnya mereka mengambil keputusan untuk berhenti sekolah dan terjebak dalam aktiviti yang tidak berfaedah.<br><br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | |
| C. F1<br><br>H1<br><br>H2<br><br><br>C<br><br><br>F2<br><br>H1<br><br><br>H2<br><br><br>C | Remaja perlu memantapkan jati diri mereka dengan berpegang teguh terhadap ajaran agama.<br>Dengan ini, golongan remaja tidak mudah terikut dengan budaya yang membuat mereka lalai dan leka.<br>Tambahan lagi, remaja boleh terlibat dengan pelbagai aktiviti yang bermanfaat daripada terjerumus dengan perbuatan yang sia-sia.<br>Misalnya melibatkan diri sebagai sukarelawan yang dapat berbakti kepada masyarakat.<br><br>Selain itu, remaja juga tidak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya mereka.<br>Dengan ini, remaja perlu bijak dalam memilih rakan kerana rakan yang baik boleh membawa ke arah kebaikan dan mencapai kejayaan.<br>Tambahan lagi, remaja boleh melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum bersama rakan sebaya agar dapat meningkatkan kemahiran sosial mereka.<br>Contohnya mengikuti aktiviti anjuran pihak sekolah seperti perkhemahan unit beruniform untuk meningkatkan kemahiran.<br><br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | |

| | | |
|---|---|---|
| 9 a. F1<br>F2<br>F3<br>F4 | Komanwel<br>Pertubuhan Kerjasama negara islam (OIC)<br>ASEAN<br>Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) | 1<br>1<br>1<br>1 |
| b. F1<br><br><br>H1<br><br><br>H2<br><br><br>C<br><br>F2<br>H1<br><br><br>H2<br><br><br><br>C | Malaysia tidak boleh menimbulkan konflik kerana perlu menjaga keamanan dan keselamatan negara<br>Dengan ini, Malaysia perlu menjaga hubungan baik dengan negara lain untuk mengelakkan berlakunya peperangan.<br>Tambahan lagi, Malaysia perlu menjaga kedaulatan negara agar terus terpelihara dan meningkatkan imej negara.<br>Contohnya, membanteras kegiatan jenayah dan keganasan<br><br>Selain itu, menjaga ekomoni global.<br>Dengan ini, ekonomi negara dapat berkembang melalui perdagangan bebas yang dijalankan.<br>Tambahan lagi, pertukaran mata wang dapat meningkatkan kegiatan ekonomi negara supaya mampu bersaing di peringkat global seterusnya menjadi tarikan pelabur asing.<br>Contoh melalui dasar pandang ke timur pelaburan asing telah digalakkan dari negara timur terutama Jepun dan Korea.<br><br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | |
| C. N<br><br><br><br>F1<br><br><br>H1<br><br><br>H2<br><br><br>C<br><br><br>F2<br><br>H1<br><br>H2<br><br>C | Nilai universal yang perlu diamalkan oleh pemimpin dunia ialah nilai bertanggungjawab, nilai rasional, nilai hormat, nilai kerjasama dan nilai toleransi.<br><br>Antara cara pemimpin dunia menangani isu pelarian ialah mengadakan kerjasama antarabangsa bersama pemimpin negara.<br>Dengan ini, pemimpin negara-negara terlibat mengadakan persidangan dengan kerjasama PBB untuk menangani isu pelarian.<br>Tambahan lagi, pemimpin boleh menawarkan penempatan pelarian ke negara mereka untuk membantu menangani tekanan daripada negara asal yang bergolak.<br>Contohya, pelarian Rohingya diberikan penempatan di Malaysia tanda keprihatinan negara kepada mangsa pelarian.<br><br>Selain itu, pemimpin negara mengambil mangsa pelarian sebagai tenaga kerja.<br>Dengan ini, mangsa pelarian akan diberikan latihan tenaga kerja untuk di salurkan bekerja dalam sektor pembinaan dan pertanian.<br>Tambahan lagi, cara ini dapat mengurangkan kos import tenaga buruh asing dari Bangladesh dan Nepal.<br>Misalnya, pengambilan tenaga kerja daripada pelarian Rohingya di dokumentasikan untuk mengawal pergerakan mereka bagi mengelakkan jenayah sosial.<br><br>(Terima mana-mana jawapan munasabah) | |